



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

Keratan Akhbar

Berita Online

i

24 JAM

BERITA

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 26 November 2024



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **KPDN**

KPDN tidak cukup penguat kuasa, kewangan terhad

Oleh MUHAMMAD SHAHIZAM TAZALI
utusannews@mediamulia.com.my

ALOR GAJAH: Kekurangan pegawai dan anggota di lapangan serta implikasi kewangan membatikan logistik dan tuntutan eluan menjadi cabaran Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) melaksanakan strategi meningkatkan keberadaan (*omnipresence*) bermula Januari tahun depan.

Menterinya, Datuk Armizan Mohd. Ali berkata, pihaknya ada mengemukakan Kementerian Kewangan menggunakan sebahagian besar peruntukan tambahan dalam Belanjawan 2025 bagi memenuhi keperluan tersebut.

Katanya, bilangan penguat kuasa terhad menyebabkan penempatan pegawai dan anggota tidak boleh dibuat mengikut jumlah pentadbiran daerah.

“Setakat ini Bahagian Penguat Kuasa KPDN mempunyai 75 pejabat di seluruh negara termasuk ibu pejabat negeri, cawangan dan sub cawangan. Contohnya, KPDN Cawangan Kapit, Sarawak mempunyai keluasan seliaan terbesar iaitu 38,934 kilometer persegi tetapi kita hanya ada 14 pegawai penguat kuasa tetap.

“KPDN Cawangan Sandakan, Sabah menyelia kawasan seluas 28,205 kilometer persegi dengan kekuatan 19 penguat kuasa tetap, cawangan Johor Bahru, Johor pula mempunyai kedudukan penduduk dan premis per-

niagaan tinggi,” katanya pada sidang akhbar sempena Majlis Perbarisan Tamat Latihan Kurusus Asas Sains Penguatkuasaan KPDN 2024 di sini, semalam.

Terdahulu, seramai 284 pegawai melibatkan 244 pegawai lantikan baharu dan 40 pegawai Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL) serta Pegawai Sedang Berkhidmat (PSB), menamatkan latihan menjadikan jumlah keseluruhan pegawai dan anggota penguat kuasa KPDN 2,464 orang.

Armizan berkata, strategi meningkatkan keberadaan penguat kuasa KPDN penting bagi memastikan aspek kawalan dan pemantauan diperkasakan termasuk melaksanakan tindakan susulan terhadap setiap aduan diterima.



ARMIZAN Mohd. Ali (duduk, tengah) pada sidang akhbar Majlis Perbarisan Tamat Latihan Kursus Asas Sains Penguatkuasaan KPDN 2024 di Alor Gajah, Melaka.



ARMIZAN menyampaikan sijil penyertaan kepada anggota penguat kuasa KPDN pada Majlis Perbarisan Tamat Latihan Kursus Asas Sains Penguatkuasaan di Alor Gajah semalam.

Rampas barang seludup RM87j, berkas 604 dalang

Ops Tiris lebih tegas

Oleh DIYANATUL ATIQAH ZAKARYA

ALOR GAJAH – Pihak berkuasa berjaya mematahkan beberapa cubaan menyeludup barang bersubsidi bernilai lebih RM87 juta dengan memberkas 604 dalang warga asing dan tempatan melalui Op Tiris di seluruh negara sejak awal tahun ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd. Ali berkata, antara barang seludup yang berjaya dirampas termasuk minyak masak peket, gula, tepung dan diesel bernilai RM87,034,264.

Katanya, Ops Tiris yang belum ini dilakukan untuk menangani isu ketirisan barang kawalan bersubsidi telah diperluaskan kepada barang-barang lain termasuk RON95, minyak peket, gula dan sebagainya.

"Sehingga 22 November ini, kita berjaya menangkap 604 individu terlibat dalam penyeludupan barang kawalan dan merampas bekalan melibatkan nilai keseluruhan lebih RM87 juta," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan Majlis Perbarisan Tamat Latihan Kursus Asas Sains Penguatkuasaan KPDN 2024 di Kem Permaisuri Resort, di sini semalam.

Tambahnya, sebanyak 39,069 pemeriksaan telah dilakukan dengan 2,521 kes direkodkan sepanjang operasi tersebut.

"Bagi Op Kesan pula, bermula 1 Januari 2024 sehingga 23 November, kami telah melaksanakan 4,200 pemeriksaan premis dan telah menerima 166 aduan awam di seluruh negara," ujarnya.

Ujar Armizan, bermula Januari tahun hadapan, pihaknya akan meningkatkan keberadaan

jentera penguat kuasa dengan pertambahan anggota di semua 75 pejabat negeri serta cawangan seluruh negara sebagai strategi baru.

"Bilangan penguat kuasa yang terhad ketika ini menyebabkan sebilangan cawangan berdepan dengan cabaran liputan kawasan kawal selia yang terlalu luas dan isu logistik, manakala sebahagian jumlah kepadatan kependudukan dan jumlah premis perniagaan yang amat tinggi."

"Bermula Januari 2025, agenda ini akan diperkuuhkan melalui strategi meningkatkan keberadaan penguat kuasa di lapangan, pengisian perjawatan melalui kursus ini bertepatan dengan perancangan itu dengan pertambahan jumlah keseluruhan pegawai dan anggota penguat kuasa kini seramai 2,464 orang," jelasnya.



ANGGOTA penguatan kuasa KPDN Selangor memeriksa minyak masak paket di premis yang diserbu dekat Sungai Buloh.

HARI: SELASA

TARIKH: 26/11/2024

M/SURAT: 2

TIGA PEKERJA WARGA ASING BELI MINYAK PAKET Pasar raya jual barang kawalan tanpa lesen

Sungai Buloh: Sebuah restoran dan pasar raya di sini, digempur bagi siasatan selepas didakwa terbabit dalam pembelian minyak masak paket subsidi oleh tiga pekerja warga asing seperti tular di media sosial, baru-baru ini.

Serbuan dilakukan separuh anggota penguatan kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos

Sara Hidup (KPDN) Selangor.

Ketua Pegawai Penguatan Kuasa KPDN Selangor, Mohd Khairi Jamaludin berkata, pihaknya memeriksa restoran itu pada Jumaat lalu dan turut melakukan pemeriksaan ke atas pasar raya berkenaan, keesokannya.

Menurutnya, pasar raya terbabit didapati melakukan kesalahan mengikut Akta

Kawalan Bekalan 1961 apabila didapati tidak mempunyai lesen runcit untuk membekalkan barang kawalan berjadual iaitu minyak masak paket sekilogram.

"Berdasarkan semakan rakanan litar pasar raya itu juga jelas menunjukkan transaksi pembelian minyak masak paket bersubsidi oleh warga asing berkenaan.

"Pemilik restoran juga akan disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Jika didapati bersalah boleh didenda tidak lebih RM1 juta bagi individu atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya, manakala bagi syarikat boleh didenda tidak melebihi RM2 juta.

RM87.03 juta nilai rampasan Op Tiris 3.0

ALOR GAJAH - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) merekodkan sebanyak RM87.03 juta nilai rampasan pelbagai barang terkawal dan bersubsidi dalam Op Tiris 3.0 bermula Januari hingga 22 November lalu.

Menterinya, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, sepanjang tempoh itu seramai 604 individu berjaya ditahan membabitkan warga tempatan dan asing.


Menurutnya, KPDN akan terus mempertingkatkan usaha untuk memastikan subsidi kerajaan sama ada barang terkawal atau bersubsidi sampai kepada golongan sasar.

"Op Tiris ini dilaksanakan adalah untuk kita menangani isu ketirisan yang saya sebutkan fokusnya kepada barang kawalan dan barang kawalan subsidi.

"Kita mulakan Op Tiris ini dulu dengan hanya menumpukan kepada ketirisan bahan subsidi diesel, namun kita perluas kepada barang-barang lain seperti RON95, minyak masak peket, gula dan sebagainya," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyempurnakan Majlis Perbarisan Tamat Latihan Kursus Asas Sains Penguatkuasaan 2024 di Kem Permata Alor Gajah di sini pada Isnin.

Hadir sama, Ketua Setiausaha



Armizan (dua dari kiri) menyampaikan anugerah kepada kadet kursus keseluruhan terbaik.

KPDN, Datuk Seri Mohd Sayuthi Bakar dan Ketua Pengarah Penguat Kuasa KPDN, Datuk Azman Adam.

Armizan yang juga Ahli Parlimen Papar berkata, dalam tempoh itu juga sejumlah 39,069 pemeriksaan premis dilaksanakan di seluruh negara dengan menghasilkan 2,521 kes.

"Manakala Op Kesan yang dilaksanakan bermula 1 Januari sehingga 23 November lalu telah merekodkan 4,200 pemeriksaan premis selain menerima 166 aduan awam," katanya.

Beliau berkata, pertambahan pegawai penguat kuasa, KPDN akan dapat meningkatkan keberadaan atau kehadiran mereka

di pelbagai lokasi secara berterusan bagi memastikan kawalan dan pemantauan yang efektif.

Katanya, dalam situasi kini, bilangan jentera penguat kuasa begitu terhad, menyebabkan penempatan pegawai dan anggota tidak boleh dibuat mengikut jumlah pentadbiran daerah yang wujud di seluruh negara.

"Sebilangan pentadbiran cawangan KPDN terpaksa berhadapan dengan cabaran liputan kawasan kawal selia yang terlalu luas dan isu logistik,

"Manakala sebahagian pula berhadapan dengan jumlah kepadatan kependudukan dan jumlah premis perniagaan yang amat tinggi," katanya.

HARI: **SELASA**
 TARikh: **26/11/2024**
 M/SURAT: **5**

National

Seizures worth RM87.03 mln recorded nationwide in Op Tiris 3.0, says minister

ALOR GAJAH: A total of RM87.03 million in seizures were recorded under Op Tiris 3.0 which was implemented from Jan 1 to Nov 22, said Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Armizan Mohd Ali.

He said a total of 39,069 inspections were also carried out nationwide with 2,521 cases recorded in addition to the arrest of 604 individuals involving locals and foreigners.

"Meanwhile, for Op Kesan from Jan 1 to Sept 23, 2024, KPDN carried out 50,725 premises inspections and received 106 public complaints nationwide," he told reporters after the Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN) Basic Enforcement Science Course graduation parade, here yesterday.

Also present were KPDN secretary-general Datuk Seri

Mohd Sayuthi Bakar and KPDN director-general Datuk Azman Adam.

A total of 284 officers, namely 244 newly appointed officers, and 40 promoted officers and serving officers, completed the course.

Meanwhile, Armizan said the ministry in January had drawn up an omnipresence strategy to increase the presence of the ministry's enforcement machinery in the field to ensure that the control and monitoring aspects were strengthened, including implementing follow-up actions on every complaint and report received by the ministry from various parties.

He said the omnipresence strategy was drawn up in line with the implementation of 'Kita Gempur' which encompasses the roles of four stakeholder components, namely government

agencies, industry players, compliance with the code of conduct, and public participation in the movement to combat manipulation and leakage.

"Although the Kita Gempur movement involves the four components that I mentioned earlier, ultimately it will return to its centre, which is the follow-up action that will be taken by our KPDN enforcers," he said.

He also said KPDN is facing challenges such as its regulatory area being too wide, logistical issues, high population density, and number of business premises.

Citing its Kapit branch as an example, he said the branch has the largest regulatory area of 38.934 sq km covering two parliamentary constituencies and six state constituencies; while the Johor Bahru branch

has a high population density and business premises involving six parliamentary and 13 state constituencies.

"So far, we have 75 KPDN offices involving state branch offices and sub-branch offices compared to 162 district administrations.. this means we are still unable to place (officers and personnel) according to district administrations due to the constraints of the number of enforcement officers we have."

"Despite the existence of these challenges, KPDN will always be committed to ensuring that the responsibility entrusted to us is to create healthy domestic trade, which is able to protect the interests of consumers, including ensuring that government subsidies, whether subsidised controlled goods, reach the target group," he said. — Bernama

National



TERBAIK: Armizan (dua kiri) semasa menyampaikan Anugerah Kadet Terbaik kepada Mohd Ali Sarai (kanan) dari negeri Sabah pada majlis Perbarisan Tamat Latihan Kursus Asas Sains Penguatkuasaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) 2024 di Kem Permata Resort, Alor Gajah semalam. Turut hadir (dari kiri) Mohd Sayuthi dan Azman Adam. — Gambar Bernama

RM87.03 juta nilai rampasan direkodkan dalam Ops Tiris 3.0

ALOR GAJAH: Sebanyak RM87.03 juta nilai rampasan direkodkan menerusi Ops Tiris 3.0 yang dilaksanakan bermula 1 Jan hingga 22 Nov lepas, kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Datuk Armizan Mohd Ali.

Beliau berkata 39,069 pemeriksaan dijalankan di seluruh negara melibatkan 2,521 kes dan tangkapan terhadap 604 individu termasuk warga asing.

“...manakala untuk Op Kesana pulak, bermula 1 Jan hingga 23 Sept 2024, KPDN melaksanakan 50,725 pemeriksaan premis dan menerima 106 aduan awam di seluruh negara,” katanya kepada pemberita selepas Majlis Perbarisan Tamat Latihan Kursus Asas Sains Penguatkuasaan KPDN 2024 di sini semalam.

Hadir sama Ketua Setiausaha KPDN Datuk Seri Mohd Sayuthi Bakar dan Ketua Pengarah Penguat Kuasa KPDN Datuk Azman Adam.

Sebanyak 284 pegawai terdiri daripada 244 pegawai lantikan baharu dan 40 pegawai kenaikan

pangkat secara lantikan (KPSL) dan pegawai sedang berkhidmat (PSB) berjaya menamatkan kursus kali ini.

Dalam pada itu, Armizan berkenaan KPdn merangka strategi ‘omnipresence’ atau meningkatkan keberadaan jentera penguat kuasa di lapangan bermula Januari depan bagi memperkasakan aspek kawalan dan pemantauan termasuk melaksanakan tindakan susulan terhadap setiap aduan dan laporan.

Beliau berkata strategi itu dirangka selaras dengan pelaksanaan gerakan KITA GEMPUR yang menggembung peranan empat komponen pemegang taruh iaitu agensi kerajaan (K), pemain industri (I), pematuhan tatakelola (T) dan partisipasi awam (A) dalam Gerakan Membanteras Manipulasi dan Ketirisan (GEMPUR).

Dalam padaiitu, Armizan berkata KPDN berdepan cabaran liputan kawasan kawal selia terlalu luas dan isu logistik selain jumlah kepadatan penduduk serta jumlah premis perniagaan yang tinggi.

Beliau berkata sebagai contoh, KPDN cawangan Kapit mempu-

nyai kawasan seliaan terbesar iaitu 38,934 kilometer (km) persegi yang meliputi dua kawasan Parlimen dan enam kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) manakala KPDN cawangan Johor Bharumempunyai kepadatan penduduk dan premis perniagaan tinggi membabitkan enam kawasan Parlimen dan 13 DUN.

“Setakat ini kita mempunyai 75 pejabat KPDN membabitkan pejabat negeri cawangan dan sub-pejabat cawangan berbanding 162 pentadbiran daerah...iaermaksud kita masih tidak berupaya untuk menempatkan (pegawai dan anggota) mengikut pentadbiran daerah disebabkan kekangan jumlah penguat kuasa yang kita ada,” katanya.

Tambahnya meskipun wujud cabaran tersebut, kementerian itu sentiasa komited memenuhi tanggungjawab diamanahkan bagi mewujudkan perdagangan dalam negeri yang sihat, melindungi kepentingan pengguna dan memastikan subsidi kerajaan sampai kepada golongan sasar. — Bernama

RM87.03 juta nilai rampasan direkodkan dalam Ops Tiris 3.0

ALOR GAJAH: Sebanyak RM87.03 juta nilai rampasan direkodkan menerusi Ops Tiris 3.0 yang dilaksanakan bermula 1 Jan hingga 22 Nov lepas, kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) Datuk Arminza Mohd Ali.

Beliau berkata, sebanyak 39,069 pemeriksaan dijalankan di seluruh negara melibatkan 2,521 kes dan tangkapan terhadap 604 individu termasuk warga asing.

"...manakala untuk Op Kesan pula, bermula 1 Jan hingga 23 Sept 2024, KPDN melaksanakan 50,725 pemeriksaan premis dan menerima 106 aduan awam di seluruh negara," katanya kepada pemberita selepas Majlis Perbarisan Taman Latihan Kursus Asas Sains Penguatkusaan KPDN 2024 di sini semalam.

Hadir sama Ketua Setiausaha-

ha KPDN Datuk Seri Mohd Sayuthi Bakar dan Ketua Pengarah Pengurusan KPDN Datuk Azman Adam.

Sebanyak 284 pegawai terdiri daripada 244 pegawai lantikan baharu dan 40 pegawai kenaikan pangkat secara lantikan (KPSL) dan pegawai sedang berkhidmat (PSB) berjaya menamatkan kursus kali ini.

Dalam pada itu, Armizan berkata KPDN merangka strategi 'omnipresence' atau meningkatkan keberadaan jentera pengut kuasa di lapangan bermula Januari depan bagi memperkasakan aspek kawalan dan pemantauan termasuk melaksanakan tinjakan susulan terhadap setiap aduan dan laporan.

Beliau berkata strategi itu dirangka selaras dengan pelaksanaan gerakan KITA GEMPUR yang menggemb

bleng peranan empat komponen pemegang taruh saitu agensi kerajaan (K), pemain industri (I), pematuhan tatakelola (T) dan partisipasi awam (A) dalam Gerakan Membanteras Manipulasi dan Keterisian (GEMPUR).

Dalam pada itu, Armizan berkata KPDN berdedikasi cabaran liputan kawasan kawal selia terlalu luas dan isu logistik selain jumlah penduduk serta jumlah premis perniagaan yang tinggi.

Beliau berkata sebagai contoh, KPDN cawangan Kapit mempunyai kawasan seliaan terbesar iaitu 38,934 kilometer (km) persegi yang meliputi dua kawasan Parlimen dan enam kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) manakala KPDN cawangan Johor Bharu mempunyai kedudukan penduduk

daerah perniagaan tinggi membabitkan enam kawasan Parlimen dan 13 DUN.

"Setakat ini kita mempunyai 75 pejabat KPDN membabitkan pejabat negeri cawangan dan subpejabat cawangan berbanding 162 pentadbiran daerah...ia ber maksud kita masih tidak berupaya untuk menempatkan (pegawai dan anggota) mengikut pentadbiran daerah disebabkan kekangan jumlah penguat kuasa yang kita ada," katanya.

Tambahnya meskipun wujud cabaran tersebut, kerajaan itu sentiasa komited memenuhi tanggungjawab diamanahkan bagi mewujudkan perdagangan dalam negeri yang sihat, melindungi kepentingan pengguna dan memastikan subsidi kerajaan sampai kepada golongan sasar. — Bernama



TERBAIK: Armizan (dua kiri) semasa menyampaikan Anugerah Kadet Terbaik kepada Mohd Ali Sarai (kanan) dari negeri Sabah pada majlis Perbarisan Taman Latihan Kursus Asas Sains Penguatkusaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) 2024 di Kem Permaisuri Resort, Alor Gajah semalam. Turut hadir (dari kiri) Mohd Sayuthi dan Azman Adam. — Gambar Bernama



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **UMUM**

Kadar inflasi kekal sederhana pada 1.9 peratus

Kadar inflasi negara terus menyederhana dan direkodkan pada tahap 1.9 peratus, pada Oktober lalu.

Timbalan Menteri Ekonomi, Datuk Hanifah Hajar Taib, berkata kadar inflasi bagi kawasan bandar pula direkodkan pada tahap 1.8 peratus, manakala luar bandar ialah 1.7 peratus.

Beliau berkata, kadar inflasi negara juga kekal menyederhana, selain berada pada tahap di bawah dua peratus sejak Julai tahun lalu.

Katanya, pelbagai inisiatif dilakukan kerajaan untuk terus mengurangkan kesan inflasi kepada kos sara hidup serta meningkatkan pendapatan masyarakat di negara ini.

"Antaranya, meningkatkan jumlah keseluruhan Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan Sumbangan Asas Rahmah (SARA) daripada RM10 bilion bagi tahun ini kepada RM13 bilion pada 2025.

"Meningkatkan peruntukan inisiatif Payung Rahmah dari RM200 juta bagi 2024 kepada RM300 juta tahun hadapan dan akan dilaksana di semua Dewan Undangan Negeri (DUN).

"Meningkatkan pemantauan dan penguatkuasaan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bagi memastikan paras harga berpatutan dan mengelakkan aktiviti pencatutan," kata-

nya.
Beliau menjawab soalan Datuk Dr Richard Rapu@Aman Begri (GPS-Betong) mengenai strategi bagi mengurangkan kesan inflasi terhadap kos sara hidup dan pendapatan masyarakat di luar bandar, pada sesi lisan di Dewan Rakyat, semalam.

Mengenai kadar inflasi di Sarawak, Hanifah Hajar berkata, ia direkodkan pada 2.1 peratus pada Oktober lalu dengan nilai itu lebih tinggi berbanding ka-



Hanifah Hajar di Dewan Rakyat, semalam.

(Foto BERNAMA)

dar nasional.

Beliau berkata, keadaan itu didorong kumpulan perumahan serta restoran dan perkhidmatan penginapan, manakala inflasi kesihatan di Sarawak pula hanya merekodkan kadar sederhana iaitu 1.5 peratus.

"Kerajaan komited memasti-

kan inflasi kesihatan kekal menyederhana, termasuk di Sarawak. Sebanyak 58 projek Kementerian Kesihatan (KKM) bagi Sarawak sudah diluluskan di bawah Rolling Plan Kelima, Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) dengan kos keseluruhan RM3.04 bilion.

Kerajaan komited pastikan inflasi kesihatan kekal sederhana

KUALA LUMPUR: Kerajaan komited dalam memastikan inflasi kesihatan kekal sederhana termasuk di Sarawak, kata Timbalan Menteri Ekonomi Datuk Hanifah Hajar Taib.

Katanya, inflasi kesihatan di Sarawak hanya merekodkan kadar sederhana iaitu 1.5 peratus pada Oktober 2024.

"Sebanyak 58 projek Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi negeri Sarawak telah diluluskan di bawah Rolling Plan Kelima Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) dengan kos keseluruhan sebanyak RM3.04 bilion," katanya pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat semalam.

Beliau menjawab soalan Dato Dr Richard Rapu (GPS-Betong) berhubung perancangan kerajaan menangani kadar inflasi negara termasuk inflasi kos penjagaan kesihatan yang semakin meningkat dengan menumpukan kawasan-kawasan di luar bandar Sarawak.

Projek tersebut, antaranya pembinaan Klinik Kesihatan Betong, Klinik Kesihatan Julau, Sarikei; Klinik Kesihatan Nanga Atoi, Saratok serta projek naik taraf dan pembangunan klinik baharu di seluruh Sarawak.

Katanya, pelaksanaan projek-projek tersebut akan mengurangkan kesan kos sara hidup, terutamanya di kawasan luar bandar melalui penyediaan perkhidmatan kesihatan yang lebih mampu milik dan berkualiti serta mengurangkan kos pengangkutan kepada penduduk luar bandar yang memerlukan akses kepada kemudahan kesihatan.

Bagi mengurangkan kesan inflasi kepada kos sara hidup serta meningkatkan pendapatan masyarakat pula, Hanifah Hajar berkata kerajaan terus komited melaksanakan pelbagai inisiatif, antaranya dengan meningkatkan jumlah keseluruhan Sumbangan Tunai Rahmah dan Sumbangan Asas Sara Hidup daripada RM10 bilion pada 2024 kepada RM13 bilion bagi 2025.

◆ **■hatMuka2**

Kerajaan komited pastikan inflasi kesihatan kekal sederhana

► **Dari Mukta 1**

Di samping itu, kerajaan juga turut meningkatkan peruntukan inisiatif Payung Rahmah daripada RM200 juta bagi 2024 kepada RM300 juta pada 2025, serta meningkatkan pemantauan dan penguatkuasaan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup bagi memastikan paras harga yang berpatutan dan mengelakkan aktiviti pencatutan.

Menjawab soalan tam-

bahan Datuk Che Mohamad Zulkifly Jusoh (PN-Besut) mengenai subsidi RON95, Hanifah Hajar berkata kerajaan bercadang melaksanakan penyasaran subsidi petrol RON95 pada pertengahan 2025.

"Dari segi libat urus, memang kita harus melaksanakan dan mendapatkan maklum balas supaya kita mengetahui bagaimana cara yang terbaik untuk mengagihkannya dengan baik dan selamat," katanya.

— Bernama



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 26 NOVEMBER 2024			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
26-Nov	Ops Tiris 3.0: 604 individu ditahan, barang lebih RM87 juta dirampas	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/ops-tiris-3-0-604-individu-ditahan-barangan-lebih-rm87-juta-dirampas	BERITA RTM
26-Nov	Ops Tiris: 604 dalang ditangkap, RM87 juta barang bersubsidi dirampas	https://www.kosmo.com.my/2024/11/25/ops-tiris-604-dalang-ditangkap-rm87-juta-barangan-bersubsidi-dirampas/#google_vignette	KOSMO
26-Nov	Perbarisan Tamat Kursus KPDN	https://www.sinarharian.com.my/article/698521/galeri/perbarisan-tamat-kursus-kpdn#google_vignette	SINAR HARIAN
26-Nov	Ops Tiris 3.0: KP DN rampas barang lebih RM87 juta	https://malaysiaga-zette.com/2024/11/25/ops-tiris-3-0-kpdn-rampas-barangan-lebih-rm87-juta/	MALAYSIA GAZETTE
26-Nov	Seizures worth RM87.03 Mln Recorded In Op Tiris 3.0 - Armizan	https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2367301	BERNAMA
26-Nov	Ops Tiris 3.0: KP DN tahan 604 individu, nilai rampasan lebih RM87 juta	https://www.sinarharian.com.my/article/698520/berita/nasional/ops-tiris-3-0-kpdn-tahan-604-individu-nilai-rampasan-lebih-rm87-juta#google_vignette	SINAR HARIAN

26-Nov	RM87.03 Juta nilai rambutan direkodkan dalam Ops Tiris 3.0 - Armizan	https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2367314	BERNAMA RADIO
26-Nov	Domestic Trade Ministry seizes RM87.03mil in smuggled controlled goods since Jan	https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/11/25/domestic-trade-ministry-seizes-rm8703mil-in-smuggled-controlled-goods-since-jan	THE STAR
26-Nov	Minyak peket, gula, diesel bernilai RM87.03 juta dirampas	https://www.utusan.com.my/nasional/2024/11/minyak-peket-gula-diesel-bernilai-rm87-03-juta-dirampas/#google_vignette	UTUSAN
26-Nov	KPDN gempur restoran, pasar raya jual minyak masak paket kepada warga asing	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/11/1158963/kpdn-gempur-restoran-pasar-raya-jual-minyak-masak-paket-kepada-warga-asing#google_vignette	HARIAN METRO
26-Nov	Restoran, pasar raya jual minyak masak paket kepada warga asing di-gempur KPDN	https://www.buletintv3.my/nasional/restoran-pasar-raya-jual-minyak-masak-paket-kepada-warga-asing-digempur-kpdn/#google_vignette	BULETIN TV3
26-Nov	Kewangan terhad, KPDN tidak cukup penguat kuasa	https://www.utusan.com.my/nasional/2024/11/kewangan-terhad-kpdn-tidak-cukup-penguat-kuasa/#google_vignette	UTUSAN MALAYSIA
26-Nov	KPDN tidak cukup penguat kuasa, kewangan terhad	https://www.utusan.com.my/berita/2024/11/kpdn-tidak-cukup-penguat-kuasa-kewangan-terhad/	UTUSAN MALAYSIA

26-Nov	Keberadaan Penguat Kuasa Dipertingkat	https://www.melakahariini.my/keberadaan-penguat-kuasa-kpdn-dipertingkat/#google_vignette	MELAKA HARI INI
26-Nov	Pengukuhan Ketangkasan Penguatkuasaan KPDN Melalui Strategi Omnipresence Bermula Januari 2025	https://siakapkeli.my/2024/11/25/pengukuhan-ketangkasan-penguatkuasaan-kpdn-melalui-strategi-omnipresence-bermula-januari-2025	SIAKAP KELI
26-Nov	RM87.03 juta nilai rampasan direkodkan dalam Op Tiris 3.0 - Armizan	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/rm8703-juta-nilai-rampasan-direkodkan-dalam-op-tiris-30-armizan-497841	ASTRO AWANI
26-Nov	604 ditahan, RM87.03 juta barang dirampas KPDN	https://www.melakahariini.my/604-ditahan-rm87-03-juta-barangan-dirampas-kpdn/#google_vignette	MELAKA HARI INI
26-Nov	Seizures worth RM87.03m recorded in Op Tiris 3.0 - Armizan	https://thesun.my/malaysia-news/seizures-worth-rm8703m-recorded-in-op-tiris-30-armizan-KC13337195	THE SUN